




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 432 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 44,076 kes. Satu kematian direkodkan di Kudat. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 438 pesakit COVID-19 telah discaj / sembahuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembahuh 39,764 orang. Sejumlah 2,906 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 794 orang di hospital dan 2,112 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 91 orang dan 23 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah direkodkan.

- 4 Terdapat satu (1) kluster baharu iaitu :

Kluster Jalan Bukit Bendera dengan dua (2) kes baharu dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 18 kes. Kes indeks dikesan melalui saringan bergejala pada 5 Januari 2020 di Klinik Kesihatan Membakut. Saringan tempat kerja dan kontak rapat pula mendapati 17 lagi kes positif merangkumi daerah Kota Kinabalu 13 kes, Beaufort tiga (3) kes dan Papar dua (2) kes.

- 5 Daripada 432 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 308 kes (71.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 62 kes (14.4%), saringan kluster baharu dan sedia ada 20 kes (4.6%), saringan ladang (PERKESO) 15 kes (3.5%), saringan pelajar masuk asrama 10 kes (2.3%) dan 17 kes (3.9%) adalah daripada lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,040 unit. Manakala, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam pula berjumlah 4,633 unit. Jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara pula kekal 1,100 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,773 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 42.91%.

B. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KAMPUNG TIMBANG DAYANG KOTA BELUD

- 1 Kerajaan sebelum ini melaksanakan PKPD di Kampung Timbang Dayang Kota Belud dijadualkan tamat pada hari ini 18 Januari 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 516 ujian saringan dan daripada jumlah itu sebanyak 53 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 3 KKM turut mengesahkan baki kes aktif di lokaliti ini terkawal di mana kes terakhir direkodkan adalah pada 11 Januari 2021 dan tiada lagi sampel menunggu keputusan.
- 4 Atas nasihat KKM, sidang khas hari ini bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kg Timbang Dayang Kota Belud seperti yang dijadualkan.

C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sehingga hari ini, sebanyak **318,889** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

D. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 65 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 22,019 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 39 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun 13 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 50 hebaham melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 32 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 10 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam lapan (8) premis di empat (4) daerah iaitu Kudat, Tambunan, Kunak dan Kota Kinabalu.
- 4 Hebaham umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 103 lokasi di 12 daerah. Hebaham dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Mandarin dan Bahasa Bajau.

E. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **93%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Ranau | 94% |
| 2 | Kota Belud | 94% |
| 3 | Kota Marudu | 94% |
| 4 | Kinabatangan | 94% |
| 5 | Tenom | 94% |
| 6 | Beluran | 94% |
| 7 | Sipitang | 94% |
| 8 | Papar | 93% |
| 9 | Tuaran | 93% |
| 10 | Kudat | 93% |
| 11 | Keningau | 93% |
| 12 | Kunak | 93% |
| 13 | Beaufort | 93% |
| 14 | Semporna | 93% |
| 15 | Kota Kinabalu | 92% |
| 16 | Tawau | 92% |
| 17 | Sandakan | 92% |
| 18 | Lahad Datu | 92% |
| 19 | Penampang | 91% |

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, duduklah di rumah jika tiada urusan penting. Di samping mengurangkan risiko jangkitan wabak COVID-19, kita dapat meluangkan masa untuk menjaga dan memerhatikan aktiviti anak-anak terutama dalam keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

18 Januari 2021